



30 Disember 2021  
30 December 2021  
P.U. (A) 495

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGGUNAAN BAHAGIAN IV) (PINDAAN) 2021

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM  
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES  
(INVOCATION OF PART IV) (AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGGUNAAN BAHAGIAN IV)  
(PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwibawa, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (Pindaan) 2021.**

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) 2006 [P.U. (A) 293/2006], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subsubperenggan (c) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(c) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 23 Jadual Pertama kepada Akta.”.

**Pindaan perenggan 4**

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subsubperenggan (1)(f), dengan menggantikan perkataan “orang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai seorang setiausaha syarikat bagi suatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [Akta 125], apabila mereka, sama ada secara bersendirian atau melalui suatu firma atau syarikat, menyedia atau menjalankan aktiviti berikut bagi klien

mereka;" dengan perkataan "mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 13 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:"; dan

(b) dalam subperenggan (2)—

(i) dengan menggantikan subsubperenggan (a) dengan subsubperenggan yang berikut:

"(a) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 9 Jadual Pertama kepada Akta;"

(ii) dengan menggantikan subsubperenggan (b) dengan subsubperenggan yang berikut:

"(b) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 10 Jadual Pertama kepada Akta;"

(iii) dengan menggantikan subsubperenggan (c) dengan subsubperenggan yang berikut:

"(c) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 11 Jadual Pertama kepada Akta; dan";